

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

8. Mengikut Akta, pembersihan am kampung tersusun Sungai Lembu bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) tetapi kontraktor Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) hanya dilantik pada 2018. Potongan caj kos 15% oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjelaskan operasi kontraktor. Bolehkah Kerajaan Negeri beri kontrak pembersihan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Lembu seputihnya Projek GRB MBPP-PWDC Flat Sungai Pinang dimana kontrak pembersihan diberi kepada penduduk?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Pada ketika ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mempunyai perancangan untuk memberi kontrak pembersihan secara terus kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Lembu kerana kontrak pembersihan kawasan dilaksanakan secara tender terbuka kepada kontraktor-kontraktor yang berkelayakan. Di samping itu, pemotongan 15% dibuat oleh MPSP terhadap kontraktor berkenaan kerana gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak. Untuk makluman YB., JKKK tidak berkelayakan sebagai kontraktor untuk memasuki tender dan oleh itu kerja-kerja berkenaan tidak dapat ditawarkan kepada JKKK.